

Dr. M diminta buat aduan kepada Lembaga Disiplin

UM - 13/9/2006

KUALA LUMPUR 12 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad atau ahli UMNO Bahagian Kubang Pasu membuat laporan kepada Lembaga Disiplin parti sekiranya wujud bukti gejala politik wang pada pemilihan perwakilan bahagian itu, Sabtu lalu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sekiranya terdapat sebarang aduan mengenai penggunaan wang untuk membeli undi pada hari itu, maka ia perlu disertai dengan bukti tertentu ataupun fakta yang boleh dijadikan asas siasatan oleh Lembaga Disiplin.

"Menghapuskan politik wang semangnya satu komitmen kepada pimpinan parti tetapi kita tidak boleh bertindak tanpa bukti ataupun tanpa aduan rasmi kepada Lembaga Disiplin.

"Sehubungan itu, Dr. Mahathir atau ahli UMNO Bahagian Kubang Pasu perlulah membuat aduan supaya lembaga boleh bertindak," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar dan Pameran Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Ke-9 di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan Dr. Mahathir semalam bahawa terdapat gejala politik wang pada pemilihan perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu, Sabtu lalu.